



## Pengeluaran MyKid lewat, stok kad kurang

Oleh Fahmy A Rosli - Mac 11, 2023 @ 7:26pm  
fahmy.azril@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengakui kelewatan mengeluarkan MyKid untuk kanak-kanak berikutan masalah stok kad pengenalan itu.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata masalah kekurangan stok kad itu menjaskannya mengeluarkan dokumen pengenalan itu.

"Ini kerana ada masalah dari segi pembekal. Kena ingat bahawa saya mewarisi sistem lama di mana satu proses tender terbuka telah dibuat yang telah menandatangani satu syarikat. Saya pun tak ingat namanya.

"Kemudian adalah masalah dari segi membekalkan mengikut jadual ditetapkan walaupun JPN mengekalkan dari segi tenaga kerja yang sama, proses yang sama. "Tetapi bila berlaku ketidakcukupan dalam tempoh tertentu, itu memanjangkan tempoh untuk JPN memproses," katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu beliau mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di Maktab Polis Diraja Malaysia di sini.

Bagi mengatasi isu ketidakcukupan stok kad pengenalan, beliau mengarahkan supaya langkah segera dapat diambil termasuk mengadakan perbincangan dengan syarikat terlibat.

Tegasnya, perbincangan berkait supaya syarikat berkenaan mematuhi semua prasyarat ataupun perkara yang sudah ditentukan ketika proses perolehan sebelum ini.

Pada masa sama, beliau berkata sekitar 30 peratus MyKid yang telah siap tidak dituntut oleh ibu bapa.

"Ikutkan ia (30 peratus) tetap angka yang tinggi dan merupakan satu kerugian," katanya.

Beliau berkata ibu bapa diminta segera menuntut MyKid yang sudah siap itu bagi mengelakkan ia dilupuskan.

"Saya menasihati ibu bapa yang telah siap (MyKid) dan telah memohon supaya bersegera untuk mendapatkannya sebab ia adalah tempoh (lupus). Kalau setelah tempoh itu lepas, MyKid itu terpaksa dilupuskan. Itu suatu kerugian," katanya.